

10 Februari 2018

Kelindan lori edar heroin dihukum gantung sampai mati

Kelindan lori edar heroin dihukum gantung sampai mati

IPOH - Seorang kelindan lori dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas didapati bersalah mengedar dadah heroin seberat 101.2 gram dua tahun lalu.

Pesuruhjaya Kehakiman Anselm Charles Fernandis ketika membacakan keputusannya turut menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun ke atas tertuduh, S. Pragasam, 30, bagi satu lagi pertuduhan memiliki dadah jenis syabu seberat 36.6 gram.



Anselm menjelaskan, pihak pendakwa berjaya membuktikan kes melampau keraguan munasabah walaupun keterangannya berbeza dengan pembelaan.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa mengedar 101.2 gram heroin di sebuah rumah di No. 127, Jalan Pengkalan Barat 32, Taman Puteri Lindungan Bulan, Pasir Puteh di sini pada pukul 7.30 malam, 11 Mei 2016.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa memiliki dadah seberat 36.6 gram syabu di tempat, tarikh dan masa sama.

Dia didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 39A(2)(r) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup atau minimum penjara lima tahun dan sebatan rotan tidak kurang 10 kali jika sabit kesalahan.